

25/02/1998

PM sekali lagi naungi GP motosikal

GRAND Prix Motosikal Malaysia sekali lagi mendapat sokongan moral apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju menjadi penaung perlumbaan berprestij itu untuk kali kedua.

Keputusan Dr Mahathir menjadi penaung perlumbaan yang akan berlangsung di Litar Pasir Gudang, Johor Bahru pada 19 April ini, memberi semangat tambahan ke arah menjayakan perlumbaan ini.

Pengarah acara Grand Prix Malaysia, Hussin Mohd Ali, berkata tidak dapat diragukan sumbangan Perdana Menteri membantu kejayaan tahun lalu menarik minat kira-kira 40,000 penonton.

"Kami terharu Perdana Menteri bersetuju menjadi penaung sekali lagi. Sokongannya banyak membantu kepada kejayaan Grand Prix tahun lalu dan kami berbangga dengan sokongannya" kata Hussin dalam kenyataannya, semalam.

"Setiap orang yang bekerja untuk Grand Prix Malaysia berasa begitu gembira dengan berita ini."

Sokongan Perdana Menteri dalam menjayakan perlumbaan motosikal membuktikan kesungguhannya dalam membabitkan diri dalam sukan motor, di samping ingin melihatkan kejayaan dalam perlumbaan Formula Satu Dunia di negara ini.

Bagi Malaysia Airports Berhad (MAB), promoter perlumbaan itu untuk kali kedua, persetujuan itu ialah berita baik dan menjadi penggalak kepada syarikat berkenaan untuk memastikan perlumbaan berjalan lancar.

Sementara itu, harga tiket perlumbaan tahun ini ialah RM200 (grandstand), RM100 (tempat duduk tidak berbumbung), RM60 (tiket terbuka dari 17 hingga 19 April ini) dan RM15 (tiket terbuka 17 hingga 18 April).

Tiket boleh ditempah menerusi telefon sekarang dan orang ramai perlu menelefon 03-7553040 atau faks 03-7552020.

Tempahan awal turut dikendalikan oleh Sports Communications Sdn Bhd di Johor menerusi 07-3331313 atau faks 07-3331717.

Maklumat tiket juga boleh diperolehi di Terminal 1 Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang (03-7472166/67), Terminal 2 (7472168), Terminal 3 (03-7472169), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (04-6434411) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (04-9551311).

(END)